

# Kaji kelestarian Hutan Belum Temengor

PETALING JAYA: Pulau Banding Foundation (PBF) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menjalankan kajian kelestarian Hutan Belum Temengor, Hulu Perak, melalui kepakaran daripada institusi pengajian berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Emkay, Ahmad Khalif Mustapha Kamal berkata, kajian yang bermula dalam tempoh terdekat itu membabitkan keluasan 300,000 hektar yang dijalankan pelajar peringkat ijazah universiti berkenaan dengan memfokuskan penyelidikan terhadap keberkesanannya hutan.

"Kerjasama berkenaan meliputi kajian berkaitan cuaca dan pengurusan hutan serta flora dan fauna di kawasan kompleks hutan ini bagi memastikan kawasan hijau itu terjamin keseimbangan kehidupannya," katanya pada



SIRAM. Puasa (lima dari kiri) menyiram pokok pada majlis sambutan Hari Alam Sekitar semalam.

sidang media menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia.

Program berkenaan sem-

pena ulang tahun ke-6 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang diadakan di Urban Park 2, Damansara Damai, dekat sini, semalam. Hadir sama, Timbalan Da-

tuk Bandar MBPJ, Puasa Md Taib, Naib Canselor UUM, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak dan Timbalan Naib Canselor UPM, Profesor Dr Tai Shzee Yew.